



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA
DIALOG HARMONI PERINGKAT KEBANGSAAN 2026**

**16 JUN 2026 (SELASA)
9.00 AM
KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
KOTA KINABALU**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang sudi hadir bagi menjayakan **Program Dialog Harmoni Peringkat Kebangsaan 2026** yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).
2. Meningkatkan keharmonian antara penganut agama merupakan salah satu agenda penting yang telah saya tetengahkan dalam hala tuju kementerian menerusi ikhtiar **Harmoni MADANI**, selaras dengan aspirasi nasional untuk membangunkan sebuah masyarakat yang bersatu padu, inklusif dan sejahtera di bawah kerangka Malaysia MADANI.
3. Inisiatif Harmoni MADANI digerakkan dengan mengetengahkan empat konsep asas integrasi nasional, iaitu **Faham, Hormat, Terima dan Meraikan**. Keempat-empat prinsip ini menjadi tunjang dalam usaha memupuk

persefahaman, memperkukuh rasa saling menghormati serta menerima kepelbagaian yang wujud dalam kalangan rakyat Malaysia. Melalui pendekatan ini, kita bukan sahaja meraikan perbezaan agama, budaya dan adat resam, malah menjadikannya sebagai kekuatan dalam membina sebuah negara yang harmoni dan bersatu.

CABARAN KEHARMONIAN NEGARA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Malaysia merupakan sebuah negara yang sangat unik. Tidak banyak negara di dunia mempunyai kepelbagaian seperti yang kita miliki hari ini. **Kita terdiri daripada lebih 200 kumpulan etnik dan subetnik** yang merangkumi Melayu, Cina, India, Orang Asli serta pelbagai etnik di Sabah dan Sarawak seperti Kadazan Dusun, Bajau, Murut, Iban, Bidayuh, Melanau dan banyak lagi.

5. Dari sudut keagamaan pula, **Malaysia menjadi rumah kepada penganut Islam, Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, Taoisme dan pelbagai kepercayaan lain yang hidup secara aman** sejak sekian lama.

6. Inilah wajah sebenar Malaysia. Kepelbagaian bukan kelemahan. **Kepelbagaian adalah kekuatan yang menjadi asas kepada kestabilan dan kemajuan negara.** Namun demikian, kepelbagaian juga menuntut kebijaksanaan dalam pengurusannya. Jika tidak diurus dengan baik, ia boleh menjadi punca salah faham dan perpecahan.
7. Dalam dunia yang semakin terhubung melalui teknologi digital, cabaran terhadap keharmonian agama juga semakin kompleks. Kita sering menyaksikan berlakunya salah faham antara penganut agama yang berpunca daripada:
- I. **Kekurangan pengetahuan mengenai agama lain;**
 - II. **Penyebaran maklumat tidak tepat dan berita palsu;**
 - III. **Ucapan kebencian di media sosial;**
 - IV. **Provokasi berasaskan agama dan kaum;**
 - V. **Sikap prejudis serta stereotaip terhadap kelompok tertentu.**
8. Apa yang lebih membimbangkan ialah **fenomena polarisasi sosial yang semakin ketara.** Hari ini, ramai yang hanya bergaul dalam kelompok yang mempunyai latar belakang yang sama. Kita tinggal di kawasan berbeza, bersekolah dalam lingkungan tertentu, mengikuti kandungan media yang

berbeza dan berinteraksi dalam ruang digital yang sering mengukuhkan pandangan sedia ada.

9. Akibatnya, ruang untuk memahami antara satu sama lain semakin mengecil. Apabila tiada interaksi, timbul prasangka. Apabila prasangka dibiarkan, lahirlah ketidakpercayaan. Dan apabila ketidakpercayaan semakin mendalam, perpaduan akan mula terhakis.

DIALOG ADALAH PLATFORM TERBAIK

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

10. Sejarah juga membuktikan bahawa **dialog sering menjadi jalan terbaik untuk menyelesaikan perbezaan**. Sebagai contoh, **proses damai di Ireland Utara yang membawa kepada Perjanjian Good Friday** pada tahun 1998 berjaya mengurangkan konflik yang telah berlarutan selama beberapa dekad antara komuniti yang berbeza latar agama.
11. Begitu juga **usaha perdamaian di Afrika Selatan selepas era apartheid**, di mana pendekatan dialog, rekonsiliasi dan pembinaan kepercayaan berjaya mengelakkan negara tersebut daripada terjerumus ke dalam konflik yang lebih besar.

12. **Di Malaysia sendiri, semangat dialog dan musyawarah telah lama menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat.** Ketika negara berdepan pelbagai cabaran, pemimpin masyarakat dan pemimpin agama sering memainkan peranan penting dalam meredakan ketegangan dan menggalakkan persefahaman.
13. Pelbagai isu yang berpotensi mencetuskan ketegangan dapat ditangani melalui perbincangan, rundingan dan pendekatan saling menghormati.
14. **Dialog antara agama atau *interfaith dialogue* bukan bertujuan untuk menyamakan semua agama. Ia juga bukan platform untuk berdebat bagi menentukan agama mana yang lebih baik.**
15. Sebaliknya, dialog antara agama merupakan satu proses komunikasi yang membolehkan komuniti daripada pelbagai penganut agama saling mengenali, memahami, menghormati dan membina kepercayaan.
16. **Matlamat utamanya ialah mencari titik persamaan dalam nilai kemanusiaan sejagat** seperti keamanan, kasih sayang, hormat-menghormati, keadilan dan kesejahteraan masyarakat. Dialog penting kerana:

- I. **Pertama**, ia membina persefahaman.
- II. **Kedua**, ia mengurangkan prasangka dan stereotaip.
- III. **Ketiga**, ia mewujudkan kepercayaan antara komuniti.
- IV. **Keempat**, ia menjadi mekanisme awal bagi mengelakkan konflik.
- V. **Kelima**, ia memperkukuh perpaduan nasional dan kestabilan negara.

17. Dalam konteks Malaysia yang berbilang agama dan budaya, **dialog merupakan jambatan yang menghubungkan kepelbagaian kepada perpaduan.**

PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan ,

18. Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara akan terus komited memperkukuh keharmonian masyarakat melalui pelbagai inisiatif pendidikan perpaduan, pengukuhan jaringan komuniti, program integrasi nasional dan platform dialog yang konstruktif.

19. Dengan ini, saya dengan sukacitanya **merasmikan Program Dialog Harmoni Peringkat Kebangsaan 2026.**

Sekian, terima kasih.